

# KL, Riyadh agresif jalin kerjasama

BH-1/3/2007

Mahfar Ali  
di Jeddah



**M**ALAYSIA dan Arab Saudi sepakat untuk mengadakan kerjasama ekonomi dan perdagangan secara lebih agresif bagi merealisasikan wawasan masing-masing menjadi negara maju dan kompetitif.

Komitmen itu dinyatakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak serta Gabenor yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Pihak Berkuasa Pelaburan Am Arab Saudi (Sagia), Amr A Al-Dabbagh.

Dalam ucapan pada majlis jamuan anjuran Sagia di sini, malam kelmarin, Najib berkata, Malaysia dan Arab Saudi boleh memanfaatkan kekuatan masing-masing bagi membantu satu sama lain memajukan lagi ekonomi kedua-dua negara.

Sambil menyuarakan keyakinan Malaysia mampu menjadi negara maju menjelang 2020, Timbalan Perdana Menteri berkata, Arab Saudi boleh memanfaatkan kedudukan strategik Malaysia di Asean untuk mencapai hasratnya menjadi antara 10 negara paling kompetitif di dunia pada 2010.

Najib berkata, Asean yang mempunyai lebih setengah bilion penduduk, mempunyai potensi besar untuk diteroka pelabur Arab Saudi.

"Kami mahu menjadi rakan kongsi dan saudara dalam membangunkan kedua-dua negara," katanya disambut tepukan gemuruh kira-kira 100 ahli perniagaan kedua-dua negara pada majlis yang diadakan bagi meraikan delegasi Timbalan Perdana Menteri.

Najib tiba di sini Jumaat lalu bagi mengadakan lawatan seminggu ke Arab Saudi. Sepanjang lawatan itu, beliau menyaksikan enam Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani agensi dan syarikat kedua-dua negara.

Ini termasuk MoU berhubung kerjasama membangunkan Bandaraya Ekonomi Pengetahuan Madinah



**HUBUNGAN MESRA:** Najib diiringi Amr A Al-Dabbagh ketika menghadiri majlis makan malam di Jeddah, semalam.

(KEC) antara Seera City Real Estate Development Corporation dan Multimedia Development Corporation (MDeC).

Petang kelmarin, Najib turut menyaksikan majlis menandatangani MoU antara Mimos Bhd, MDec dan Bank Pembangunan Islam (IDB) mengenai kerjasama melaksanakan pembangunan sosioekonomi menerusi penggunaan teknologi maklumat di negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

GCI MISC Sdn Bhd (GCI) pula menandatangani MoU dengan Pusat Penyelidikan dan Hospital King Faisal bagi menyediakan sistem maklumat kesihatan, myCare.

Pada majlis jamuan malam kelmarin, Najib turut menyaksikan penyerahan kontrak oleh Seera City Real Estate Development Company kepada anak syarikat MDeC, MSC Technology Centre Sdn Bhd yang dilantik sebagai perunding projek KEC.

Satu lagi MoU membabitkan Yayasan Al-Bukhary dan MSCT dari Arab Saudi berhubung penajaan 1,000 pelajar Arab Saudi untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia.

Najib dalam ucapannya juga berharap lebih banyak syarikat dari Arab Saudi melabur di Malaysia dalam usaha mewujudkan hubungan ekonomi dan perdagangan yang lebih bermakna.

Terdahulu, Al-Dabbagh dalam ucapannya menyuarakan kekaguman kerajaan Arab Saudi terhadap kemajuan Malaysia dan percaya sekarang masa paling sesuai kedua-dua negara membuat lonjakan kerjasama dalam bidang ekonomi serta perdagangan.

Beliau turut mempelawa pelabur Malaysia meneroka pelbagai peluang perniagaan di Arab Saudi, termasuk dalam sektor tenaga.

Sementara itu, Najib pada sidang akhbarinya, berkata Arab Saudi mempunyai keyakinan tinggi terhadap

syarikat Malaysia untuk menyertai pembangunan di negara ini.

"Saya melihat sentimen positif ini sebagai satu petanda baik, maka sekarang adalah masanya untuk syarikat Malaysia mengambil peluang keemasan bagi menyertai proses transformasi yang begitu besar di negara ini.

"Arab Saudi memerlukan kepakaran luar bagi melaksanakan enam projek mega pembangunan bandar baru dan syarikat Malaysia boleh merebut peluang ini," katanya.

Timbalan Perdana Menteri juga gembira kerana Sagia menyatakan komitmennya untuk meningkatkan pelaburan di Malaysia.

"Dalam masa enam lapan minggu lagi, Pengerusi Sagia akan melawat Malaysia. Dia bayangkan setiap tahun mereka mengeksport begitu banyak modal pelaburan dalam pelbagai projek. Jadi kita harus rebut sebahagian modal yang selama ini mengalir ke Barat," katanya.

BERNAMA